



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERISTIWA BUKIT KEPONG DALAM NOVEL *BUKIT KEPONG* DAN
FILEM “BUKIT KEPONG” BERDASARKAN PENDEKATAN
HISTORISISME BARU**

MOHD PAUZI B. AB. RAOF

FBMK 2011 9

**“PERISTIWA BUKIT KEPONG DALAM NOVEL *BUKIT
KEPONG* DAN FILEM “BUKIT KEPONG”
BERDASARKAN PENDEKATAN HISTORISISME
BARU”**



MOHD PAUZI B AB. RAOF

**MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2011

**PERISTIWA BUKIT KEPONG DALAM NOVEL *BUKIT KEPONG* DAN FILEM “BUKIT
KEPONG” BERDASARKAN PENDEKATAN HISTORISISME BARU”**



Oleh

MOHD PAUZI B. AB. RAOF

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Sebahagian Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera**

April 2011

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**“PERISTIWA BUKIT KEPONG DALAM
NOVEL *BUKIT KEPONG* DAN FILEM “BUKIT KEPONG”
BERDASARKAN PENDEKATAN HISTORISISME BARU”**

Oleh

MOHD PAUZI B. AB. RAOF

April 2011

Pengerusi : Profesor Madya Mohd Zariat Abdul Rani, PhD

Fakulti : Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertitik tolak daripada pertikaian Ismail Johari terhadap apa yang didakwa oleh beliau sebagai ketidaktepatan fakta tentang peristiwa Bukit Kepong dalam filem “Bukit Kepong”. Pertikaian ini yang mendorong Ismail Johari menulis novel *Bukit Kepong* yang didasarkan kepada matlamat-matlamat penulisannya. Matlamat ini berlegar sekitar hasratnya untuk memperbetulkan fakta-fakta tentang peristiwa Bukit Kepong dalam filem tersebut. Ini menimbulkan persoalan tentang sejauh manakah Ismail Johari berhasil merealisasikan matlamat-matlamat penulisan yang digariskannya itu. Dengan latar belakang dan persoalan ini, kajian ini disasarkan untuk mencapai 3 objektif, iaitu menganalisis fakta-fakta tentang peristiwa Bukit Kepong dalam novel *Bukit Kepong* karya Ismail Johari, membandingkan

fakta-fakta tentang peristiwa Bukit Kepong dalam novel *Bukit Kepong*, filem “Bukit Kepong” dan sumber-sumber sejarah, dan seterusnya, menilai ketepatan penghasilan novel *Bukit Kepong* berdasarkan matlamat penulisan Ismail Johari. Dalam usaha mencapai objektif-objektif ini, kajian ini memanfaatkan Historisisme Baru sebagai pendekatan kajian. Untuk itu, prinsip penting Historisisme Baru digunakan, iaitu prinsip “sejarah terdedah kepada pentafsiran semula”. Dengan memanfaatkan prinsip ini, kajian ini berhasil memperolehi beberapa penemuan penting. Pertama, novel didapati menonjolkan peranan dan sumbangan semua anggota polis yang terlibat dalam peristiwa serangan terhadap Balai Polis Bukit Kepong, tanpa memperagakan watak-watak tertentu sebagai wira tunggal. Kedua, novel didapati meletakkan watak SJN 3493 Jamil b. Mohd. Shah sebagai seorang ketua balai polis yang berkaliber, bijak mengatur strategi serta pandai memanfaatkan kelebihan yang ada pada pasukannya untuk mempertahankan Balai Polis Bukit Kepong, dan maruah pasukan polis secara keseluruhannya. Ketiga, novel didapati mengiktiraf sumbangan anggota polis bantuan (AP) serta penduduk kampung di bawah pimpinan Penghulu Ali, yang membantu anggota polis untuk menafikan kemenangan mudah pihak komunis. Dan keempat, novel didapati menonjolkan keberanian dan pengorbanan kaum keluarga anggota polis yang terlibat dalam peristiwa serangan itu. Berdasarkan penemuan-penemuan di atas juga, kajian ini mendapati bahawa Ismail Johari dapat merealisasikan

matlamat-matlamat penulisan yang digariskannya dalam penulisan novel
Bukit Kepong.



Abstract of Thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

**NEW HISTORICISM APPROACH ON THE BUKIT KEPONG INCIDENT IN
THE NOVEL OF *BUKIT KEPONG* AND THE FILM ENTITLED "BUKIT
KEPONG"**

By

MOHD PAUZI B. AB. RAOF

April 2011

Chairman : Associate Professor Mohd Zariat Abdul Rani, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

The inaccurate facts about Bukit Kepong incident in the film titled 'Bukit Kepong' have lead to the research by Ismail Johari. The argument put forward by Ismail Johari gave birth to the novel titled *Bukit Kepong* which is base on empirical writings. The ultimate objective is to ensure that the facts are accurate corrected in the film regarding the incident of Bukit Kepong. As a result of this, the extent of Ismail Johari success in realizing the underlying objective of writings remains is disputable. With this behind the mind, the research is directed to achieve 3 objectives i.e. to analyze the facts of Bukit Kepong incident in the novel titled 'Bukit Kepong'; to make comparison on the facts of Bukit Kepong incident in the novel and the Bukit Kepong film and

other historical facts available, by determining so, the degree of fulfilling the objective outlined by Ismail Johari is done. This research applies an approach where a 'New Historicism' is used to achieve the objectives. An important ingredient of New Historicism is adopted where the principles of 'history as an invention' and 'history is exposed to re-interpretation' applied. As a result these adoptions, the research gave rise to several new findings. Firstly the novel gave rise to the roles and sacrifices of all police personnel during the attack on the Bukit Kepong police Station. No individual was hero worshipped in the incident. Secondly, the novel has placed the character of Sergeant 3493 Jamil b. Mohd. Shah in a high esteem as the Police Station Chief person with a high caliber, skillful, smart and a strategist in organizing his troops in defending the Bukit Kepong Police Station. He has won praises and brought dignity for the Police Force. Thirdly, the novel is able to recognize the contribution of Auxiliary Police (AP) together with the villagers under the leadership of Penghulu Ali did not give an easy victory for the communist. Fourthly, the novel amplified the bravery and sacrifices of the policemen family members involved in the attack. Based on the above discovery, this research is able to conclude that Ismail Johari has been able to successfully give recognition to objectives which he outlined in the writings of *Bukit Kepong's* novel.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana memberikan saya kelapangan dan kekuatan untuk menyiapkan tesis sarjana ini. Ucapan terima kasih ini saya dedikasikan khas kepada Prof. Madya Dr. Mohd Zariat b. Abdul Rani, penyelia tesis sarjana ini yang memperuntukkan banyak masa dan komitmen terhadap proses merealisasikan tesis ini. Saya juga merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof Madya Dr. Arba'ie b. Sujud serta Dr. Muhamad Hasrul b. Zakariah yang turut membantu saya dalam menyiapkan tesis ini.

Seterusnya, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih ini kepada anggota polis di Balai Polis Bukit Kepong, kakitangan Muzium Polis Diraja Malaysia dan kakitangan Arkib Negara yang memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat-maklumat penting tentang peristiwa serangan anggota komunis di Balai Polis Bukit Kepong. Seterusnya, seribu penghargaan juga diucapkan kepada kakitangan Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan penduduk Kampung Tui, Bukit Kepong kerana sudi membantu saya dalam usaha menyiapkan tesis ini. Begitu juga kakitangan Sekolah Pengajian Siswazah, kepada Unit Siswazah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Sesungguhnya, penghargaan ini saya tujukan kepada isteri tercinta, Nora bt. Nasir yang bukan sahaja memberi sumbangan idea, sokongan dan dorongan, malahan pada masa yang sama turut menyiapkan tesis sarjana beliau bersama-sama saya. Untuk anak-anak tersayang, Ameera Adlina, Ameera Athira, Ameera Aisha dan Ameerul Aiman, tesis ini dihadiahkan untuk kalian kerana banyak mengorbankan masa, kasih sayang dan perhatian sepanjang kajian ini dilakukan. Semoga anak-anak akan mengambil iktibar daripada pengorbanan ini dan berusaha menuntut ilmu walaupun usia meniti tua. Begitu juga kepada kepada ibu saya, Emboh Yah bt. Baba dan ahli keluarga yang lain, doa yang kalian titipkan agar tesis ini berjaya disiapkan, akan sentiasa dikenang. Juga terima kasih saya kepada rakan-rakan sejawatan di Sekolah Kebangsaan Seksyen 7, Bandar Baru Bangi yang banyak memberi sokongan moral. Semoga Allah S.W.T. membalas segala budi baik yang diberikan. Amin.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada _____ untuk menjalankan Peperiksaan Akhir bagi Mohd Pauzi b. Ab. Raof bagi menilai tesis beliau yang bertajuk **"Peristiwa Bukit Kepong dalam Novel *Bukit Kepong* dan Filem "*Bukit Kepong*" Berdasarkan Pendekatan Historisisme Baru"** mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Nik Rafidah bte Nik Muhamad Affendi, PhD

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Noritah bt Omar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Hashim bin Ismail, PhD

Profesor Madya
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

NORITAH BT OMAR, PhD

Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : _____

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Zariat Abdul Rani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arba'ie Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Muhamad Hasrul Zakariah, PhD

Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Ilmu Fakulti Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli, melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



.....

MOHD PAUZI B. AB. RAOF

Tarikh: 20 April 2011

GLOSARI

| Singkatan | Perkara |
|---------------------|---|
| 1. <i>IJ</i> | <i>Ismail Johari</i> |
| 2. <i>NBK</i> | <i>Novel Bukit Kepong</i> |
| 3. <i>FBK</i> | <i>Filem Bukit Kepong</i> |
| 4. <i>PDRM</i> | <i>Polis Diraja Malaysia</i> |
| 5. <i>RTM</i> | <i>Radio Televisyen Malaysia</i> |
| 6. <i>SJN</i> | <i>Sarjan</i> |
| 7. <i>KPL</i> | <i>Koperal</i> |
| 8. <i>L/KPL</i> | <i>Lance Koperal</i> |
| 9. <i>MM</i> | <i>Mata-Mata (Konstabel)</i> |
| 10. <i>MM/L</i> | <i>Mata-Mata Laut</i> |
| 11. <i>MM/T</i> | <i>Mata-Mata Tambahan</i> |
| 12. <i>AP</i> | <i>Polis Bantuan (Auxiliary Police)</i> |
| 13. <i>HG</i> | <i>Home Guard</i> |
| 14. <i>A.S.P</i> | <i>Penolong Penguasa Polis</i> |
| 15. <i>O.C.S.</i> | <i>Ketua Polis Balai</i> |
| 16. <i>O.C.P.D.</i> | <i>Ketua Polis Daerah</i> |
| 17. <i>KOMSAS</i> | <i>Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera</i> |

KANDUNGAN

| | |
|--------------------|----------------|
| ABSTRAK | Halaman |
| ABSTRACT | i |
| PENGHARGAAN | iv |
| PENGESAHAN | vi |
| PERAKUAN | viii |
| GLOSARI | x |
| | xi |

BAB

| | | |
|----------|---|----|
| 1 | PENDAHULUAN | |
| | 1.1 Pengenalan dan Latar Belakang Kajian | 1 |
| | 1.2 Sorotan Literatur | 8 |
| | 1.3 Permasalahan Kajian | 20 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 23 |
| | 1.5 Batasan Kajian dan Bahan/Sumber Kajian | 23 |
| | 1.6 Kaedah Kajian | 26 |
| | 1.7 Organisasi Tesis | 28 |
| 2 | HISTORISISME BARU : SATU PENDEKATAN | |
| | 2.1 Pengenalan | 31 |
| | 2.2 Latar Belakang dan Perkembangan Historisisme Baru | 33 |
| | 2.3 Prinsip Sejarah Terdedah Kepada Pentafsiran Semula | 38 |
| | 2.4 Ikhtisar | 52 |
| 3 | PERISTIWA BUKIT KEPONG BERDASARKAN SUMBER-SUMBER SEJARAH | |
| | 3.1 Pengenalan | 56 |
| | 3.2 Sejarah dan Gambaran Keadaan Pekan Bukit Kepong | 58 |
| | 3.3 Gambaran Keadaan Balai Polis Bukit Kepong | 63 |
| | 3.4 Peristiwa Serangan Komunis ke atas Balai Polis Bukit Kepong | 67 |
| | 3.4.1 Sebelum Peristiwa Serangan Balai Polis Bukit Kepong | 67 |
| | 3.4.2 Semasa Peristiwa Serangan Balai Polis Bukit Kepong | 74 |

| | | | |
|---|-------|--|-----|
| | 3.4.3 | Selepas Peristiwa Serangan Balai Polis Bukit Kepong | 112 |
| 4 | | PERISTIWA BUKIT KEPONG DALAM FILEM “BUKIT KEPONG” | |
| | 4.1 | Pengenalan | 119 |
| | 4.2 | Latar Belakang Pembikinan Filem “Bukit Kepong” | 120 |
| | 4.3 | Peristiwa Bukit Kepong dalam Filem “Bukit Kepong” | 129 |
| | 4.3.1 | Sebelum Peristiwa Serangan Balai Polis Bukit Kepong | 130 |
| | 4.3.2 | Semasa Peristiwa Serangan Balai Polis Bukit Kepong | 139 |
| 5 | | ANALISIS NOVEL <i>BUKIT KEPONG</i> KARYA ISMAIL JOHARI | |
| | 5.1 | Pengenalan | 160 |
| | 5.2 | Sinopsis Novel <i>Bukit Kepong</i> Karya Ismail Johari | 161 |
| | 5.2.1 | Sebelum Peristiwa Serangan Balai Polis Bukit Kepong | 161 |
| | 5.2.2 | Semasa Peristiwa Serangan Balai Polis Bukit Kepong | 171 |
| | 5.2.3 | Selepas Peristiwa Serangan Balai Polis Bukit Kepong | 175 |
| | 5.3 | Perbandingan Fakta-Fakta Peristiwa Bukit Kepong dalam Novel <i>Bukit Kepong</i> dengan Filem “Bukit Kepong” dan Sumber-Sumber Sejarah | 178 |
| | 5.3.1 | Peranan Anggota-Anggota Balai Polis Bukit Kepong | 179 |
| | 5.3.2 | Kedudukan dan Peranan Sarjan Jamil Sebagai Wira | 187 |
| | 5.3.3 | Peranan Penghulu Ali, Anggota Polis Bantuan (<i>AP</i>) dan Penduduk Kampung | 193 |
| | 5.3.4 | Peranan Serta Pengorbanan Ahli Keluarga Anggota Polis | 199 |
| | 5.4 | Fakta-Fakta lain dalam Novel <i>Bukit Kepong</i> , Filem “Bukit Kepong” dan Sumber-Sumber Sejarah | 204 |
| | 5.4.1 | Sebelum Peristiwa Serangan Balai Polis Bukit Kepong | 204 |

6

PENEMUAN DAN KESIMPULAN

211

BIBLIOGRAFI
BIODATA PELAJAR
LAMPIRAN

221

223

